PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Pengarah	Lembaga	Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Pencalonan	Jawatankuasa Imbuan
Y.A.M. Syed Badarudin Jamalullail #	(10/10) ▲	(5/6) ▲	(1/1) ▲	(3/3) ▲
Tan Sri Dato' Dr Lin See Yan #	(9/10) ▲	(6/6) ▲	(1/1) ▲	
Datuk Fong Weng Phak	(10/10) ▲	(4/6) ▲		
Dr Radzuan bin A Rahman	(9/10) ▲		(1/1) ▲	
Lee Kong Yip	(10/10) ▲			(3/3) ▲
Zaida Khalida binti Shaari	(9/10) ▲			(3/3) ▲
Leslie Oswin Struys #	(10/10) ▲	(6/6) ▲	(1/1) ▲	(3/3) ▲
Tan Ang Meng	(10/10) ▲			
Ian MacLean (meletak jawatan pada 8 Mei 2002)	(6/7) ▲		– ▲	
Dr Han Cheng Fong (dilantik ke dalam Lembaga pada 8 Mei 2002 dan Jawatankuasa Imbuan pada 1 Okt 2002)	(2/3) ▲		(1/1) ▲	– ▲
Tan Yam Pin (bersara jawatan pada 30 Sept 2002)	(10/10) ▲	(6/6) ▲		(3/3) ▲
Anthony Cheong Fook Seng (dilantik ke dalam Lembaga pada 1 Okt 2002)	– ▲	– ▲		

Nota: ▲ menandakan keahlian dan () menandakan bilangan mesyuarat yang dihadiri berbanding dengan jumlah mesyuarat yang telah dijadualkan sejak permulaan tahun kewangan ataupun tarikh pelantikan. # menandakan ahli bebas dalam lembaga.

46

Peranan utama Jawatankuasa Pencalonan adalah untuk meneliti cadangan untuk pelantikan ke dalam Lembaga dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga. Ditubuhkan pada Mei 2001, ianya dianggotai oleh lima pengarah bukan eksekutif, tiga daripada mereka merupakan pengarah bebas. Kesemua ahli telah menghadiri Mesyuarat tunggal yang telah dijadualkan pada tahun semasa. Pada mesyuarat ini cadangan mengubah komposisi Lembaga Utama, jawatankuasa-jawatankuasa dan lembaga syarikat-syarikat subsidiari telah diteliti sebelum diserahkan untuk dicadangkan kepada Lembaga.

Jawatankuasa Imbuan juga telah ditubuhkan pada Mei 2001 dan dianggotai oleh lima ahli lembaga pengarah bukan eksekutif. Selain daripada bertanggungjawab untuk meneliti polisi-polisi dan amalan-amalan imbuan Kumpulan, ianya juga menyelia peruntukan opsyen saham kepada kakitangan di bawah Skim ESOS Kumpulan. Pada tahun semasa, tiga mesyuarat telah dijadualkan dan kesemuanya telah dihadiri oleh ahli-ahlinya. Perkara-perkara yang dibentangkan kepada jawatankuasa adalah termasuk meneliti imbuan semasa kepada Pengarah berbanding amalan pasaran.

Laporan berasingan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Audit disertakan di muka surat 48 hingga 49 Laporan Tahunan ini.

3) Akses kepada Maklumat

Kesemua mesyuarat terjadual yang telah diadakan pada tahun ini telah dilaksanakan dengan agenda formal yang dikeluarkan terlebih dahulu oleh Setiausaha Syarikat dengan nasihat Pengerusi dan CEO. Agenda untuk setiap mesyuarat telah disertakan dengan minit mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang terdahulu, laporan mengenai prestasi kewangan Kumpulan, arah aliran industri, rancangan dan cadangan perniagaan, pengumuman keputusan suku tahunan dan maklumat berkaitan yang lain.

Selain itu, para pengarah telah digalakkan untuk menghubungi pihak pengurusan untuk mendapatkan penjelasan atau maklumat lanjut melalui CEO berhubung tugas mereka, termasuk mendapatkan khidmat profesional luar apabila diperlukan. Semua pengarah mempunyai akses langsung kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat dalam melaksanakan tugas mereka.

4) Pelantikan dan Pemilihan Semula

Prosedur berhubung dengan pelantikan dan pemilihan semula para pengarah adalah terkandung di dalam Tataurus Pertubuhan Syarikat. Semua pengarah baru adalah tertakluk kepada pemilihan di Mesyuarat Agung Tahunan (AGM), selepas pelantikan pertama mereka. Selain itu, satu pertiga daripada para pengarah perlu menawarkan diri mereka secara bergilir-gilir untuk pemilihan semula oleh para pemegang saham pada setiap AGM Syarikat.

Imbuan

Jawatankuasa imbuan telah diberi kepercayaan untuk menentukan dan mencadangkan dasar-dasar sesuai berhubung pakej gaji para pengarah yang mempunyai fungsi eksekutif serta eksekutif kanan Kumpulan. Pakej gaji pada masa ini terdiri daripada gabungan gaji pokok serta insentif yang tidak tetap berdasarkan prestasi kerja untuk menarik dan mengekalkan bakat dalam menghadapi persaingan. Tiada perubahan pada polisi-polisi dan amalan-amalan imbuan sepanjang tahun ini.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Imbuan pengarah-pengarah bukan eksekutif adalah berdasarkan bayaran tetap yang biasa, manakala Pengerusi menerima bayaran dua kali ganda daripada jumlah tersebut bagi menghargai tanggungjawab tambahan beliau. Yuran tambahan juga telah dibayar kepada semua pengarah bukan eksekutif yang menjadi ahli jawatankuasa Lembaga dan sekiranya sesuai, lembaga-lembaga syarikat-syarikat subsidiari yang bukan milik penuh.

Yuran kena dibayar kepada semua pengarah Syarikat adalah tertakluk kepada kelulusan tahunan para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan. Agregat imbuan yang dibayar atau akan dibayar kepada para pengarah Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya untuk tahun kewangan berakhir 30 September 2002 adalah seperti yang dilapurkan dalam penyata kewangan.

Hubungan Pemegang Saham dan Pelabur

Lembaga Pengarah menyedari betapa pentingnya komunikasi yang efektif dengan para pemegang saham dan komuniti pelaburan. Pada tahun ini, taklimat-taklimat mengenai keputusan suku tahunan kepada para penganalisis pelaburan dan media perniagaan dan kewangan telah diadakan. Taklimat-taklimat ini diadakan sebaik sahaja setiap keputusan suku tahunan diumumkan, bertujuan untuk memberi penjelasan dan peluang untuk mendapatkan maklum balas mengenai prestasi Kumpulan.

Di samping menyiarkan keputusan-keputusan tersebut dalam media cetak dan untuk memastikan ianya disampaikan kepada pemegang-pemegang saham, versi ringkas pengumuman suku tahunan ini telah dikirimkan kepada semua pemegang saham berdaftar dalam bentuk poskad.

Bursa Saham Kuala Lumpur turut menyediakan kemudahan kepada Syarikat untuk menyiarkan secara elektronik semua pengumumannya, termasuk laporan penuh semua keputusan suku tahunan dan Laporan Tahunan. Kesemua ini boleh diperolehi pada bila-bila masa melalui laman web BSKL di <http://announcements.klse.com.my>. Syarikat juga mempunyai laman webnya sendiri di www.fn.com.my, di mana maklumat kewangan dan lain-lain (seperti promosi pengguna) yang berkaitan dengan operasi Kumpulan disiarkan secara "online".

Selain itu, segala pertanyaan dan kemusykilan boleh ditujukan kepada jabatan komunikasi korporat Syarikat. Sila hubungi:

En Zainuddin M Noh, Pengurus Besar, Hal Ehwal Korporat Kumpulan

Telefon: 03-9223-1318 Faks: 03-9221-1226 Emel: zainuddin@fn.com.my

47

Akauntabiliti dan Audit

1. Laporan Kewangan

Semasa menyemak semua penyata kewangan tahunan dan suku tahunan yang diumumkan pada tahun ini, para pengarah telah memberi perhatian sewajarnya dan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa keperluan piawaian perakaunan dan peruntukan undang-undang yang berkaitan dipatuhi sepenuhnya. Semua laporan yang dibentangkan mencerminkan penilaian mengenai prestasi dan prospek Kumpulan yang seimbang.

2. Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko

Para pengarah menyedari tanggungjawab mereka terhadap sistem kawalan Kumpulan yang telah dirangka untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan harta yang diamanahkan di bawah jagaannya. Sistem tersebut adalah bertujuan untuk memberi jaminan yang sewajarnya (tetapi tidak sepenuhnya) daripada sebarang salah kenyataan atau kerugian kewangan yang ketara. Ia merangkumi dasar-dasar formal dan prosedur operasi yang berkaitan dengan perlindungan aset-aset, pengekalan rekod-rekod perakaunan yang sepatutnya, kewibawaan maklumat kewangan, pematuhan kepada undang-undang yang berkenaan, peraturan dan amalan terbaik. Ia turut meliputi pengenalpastian dan pembendungan risiko perniagaan.

Kumpulan telah sedia ada mempunyai fungsi kawalan dalaman dan pematuhan yang baik. Terdapat prosedur-prosedur formal untuk juruaudit dalaman dan luar untuk melaporkan secara bebas penemuan-penemuan dan cadangan-cadangan mereka kepada pihak pengurusan dan Jawatankuasa Audit.

3. Hubungan dengan Juruaudit Luar

Juruaudit luar telah menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit yang dijadualkan pada tahun ini. Mesyuarat setiap suku tahunan ini memudahkan pertukaran pendapat mengenai isu-isu yang memerlukan perhatian. Peranan juruaudit dan penglibatan mereka pada tahun ini dinyatakan di dalam laporan Jawatankuasa Audit yang disertakan di muka surat 48 hingga 49 Laporan Tahunan ini.

Kumpulan telah membayar Ernst & Young lebih kurang RM435,000 untuk khidmat profesional mereka berhubung dengan audit-audit dan khidmat-khidmat yang berkaitan bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2002.

Pematuhan kepada Kod

Syarikat telah mematuhi Kod sepanjang tahun kewangan berakhir 30 September 2002, kecuali dalam perlantikan pengarah kanan bebas dan bukan eksekutif sebagaimana yang disarankan oleh Kod dalam bahagian amalan terbaiknya. Kod telah menyarankan perlantikan tersebut bagi tujuan membolehkan ahli-ahli Lembaga yang lain menyuarakan kekhawatiran mereka selain melalui Pengerusi dan CEO. Lembaga berpendapat bahawa perlantikan tersebut adalah tidak perlu berdasarkan kepada kaliber, campuran personaliti dan hubungan yang sedia ada di kalangan ahli-ahlinya.

Penyata ini telah disediakan menurut satu resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 8 November 2002.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan berikut mengenai Jawatankuasa Audit dan aktiviti-aktivitinya dalam tahun kewangan berakhir 30 September 2002.

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan melalui satu resolusi Lembaga pada tahun 1994.

Ahli dan Mesyuarat

Pada tahun ini, Tan Sri Dato' Dr Lin See Yan telah mempengerusikan Jawatankuasa ini. Beliau secara majoritinya telah dibantu oleh ahli-ahli Lembaga yang bebas. En Tan Yam Pin adalah merupakan ahli yang mempunyai kelulusan perakaunan.

Pada hujung tahun kewangan ini, En Tan Yam Pin telah bersara dari Lembaga dan telah diganti oleh En Anthony Cheong Fook Seng pada 1 Oktober 2002. (Butir-butir peribadi En Cheong tertera di muka surat 32 Laporan Tahunan ini.)

Sebanyak enam mesyuarat telah diadakan pada tahun kewangan. Status keahlian dan rekod kehadiran setiap ahli pada tahun ini (atau sejak tarikh pelantikan mereka) adalah seperti berikut:-

Nama	Kehadiran
Bebas	
Tan Sri Dato' Dr Lin See Yan (Pengerusi)	6 daripada 6 mesyuarat
YAM Tengku Syed Badarudin Jamalullail	5 daripada 6 mesyuarat
Leslie Oswin Struys	6 daripada 6 mesyuarat
Bukan Bebas	
Datuk Fong Weng Phak	4 daripada 6 mesyuarat
Tan Yam Pin (bersara pada 30 September 2002)	6 daripada 6 mesyuarat
Anthony Cheong Fook Seng (dilantik pada 1 Oktober 2002)	—

48

Bidang Tugas

Tiada perubahan pada bidang tugas Jawatankuasa sejak diluluskan oleh Lembaga pada tahun 2001 seperti berikut:

Keahlian

Jawatankuasa Audit mesti terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga pengarah, yang mana majoritinya adalah pengarah bebas, termasuk Pengerusi. Sekurang-kurangnya seorang ahli di kalangan mereka adalah seorang akauntan.

Kuasa

1. Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk menyiasat sebarang perkara di dalam bidang kuasanya atau sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga, untuk menentukan sumber yang diperlukan dan untuk mendapat akses penuh kepada mana-mana kakitangan bagi memperoleh maklumat.
2. Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain apabila diperlukan dan mendapatkan kehadiran pihak-pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran berkaitan jika dianggap perlu.

Bidang Tugas

1. Jawatankuasa Audit adalah sebuah jawatankuasa Lembaga dan Lembaga akan menentukan keahliannya. Ahli-ahli Jawatankuasa Audit akan memilih seorang Pengerusi yang merupakan pengarah bebas. Setiausaha Syarikat akan menjadi Setiausaha kepada Jawatankuasa ini.
2. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun atau sekerap yang diperlukan. Korumnya adalah terdiri daripada tiga ahli yang majoritinya merupakan pengarah bebas. Prosiding Jawatankuasa Audit akan direkodkan dan minit mesyuarat akan dibentangkan di mesyuarat Lembaga.
3. Ketua Pegawai Kewangan, ketua audit dalaman dan juruaudit luar (atau wakil-wakil mereka) dikehendaki menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa. Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan para pegawai syarikat yang lain akan menghadiri mesyuarat ini sekiranya diundang. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran ahli Lembaga Pengarah eksekutif, sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.
4. Tugas-tugas Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:
 - a. Untuk menimbang dan mengesyorkan pelantikan juruaudit luar, bayaran mereka dan sebarang isu berhubung prestasi mereka.
 - b. Untuk membantu Lembaga mengkaji kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman.
 - c. Untuk mengkaji dasar-dasar dan amalan pengurusan risiko kumpulan untuk memastikan keberkesanan masing-masing.
 - d. Untuk berbincang dengan juruaudit luar mengenai rancangan dan skop audit mereka.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

- e. Untuk mengkaji penyata dan pengumuman kewangan Kumpulan yang disatukan untuk suku tahunan, setengah tahun dan akhir tahun sebelum diserahkan kepada Lembaga, dengan memfokus terutamanya kepada:
 - Pematuhan kepada piawaian perakaunan yang diterima pakai
 - Perubahan dalam dasar dan amalan perakaunan utama
 - Pematuhan kepada keperluan Bursa Saham Kuala Lumpur dan keperluan berkanun lain
 - Pelarasan penting hasil susulan audit
 - Isu perniagaan berterusan sebarang entiti dalam Kumpulan
 - Peristiwa-peristiwa penting dan luarbiasa
- f. Untuk mengkaji laporan pengurusan juruaudit luar dan maklum balas dari pihak pengurusan, serta berbincang mengenai sebarang isu berbangkit daripada audit tersebut yang menimbulkan kekhawatiran.
- g. Untuk menyokong dan menentukan hala tuju fungsi audit dalaman Kumpulan bagi memastikan keberkesannya.
- h. Untuk mempertimbang hasil laporan audit dalaman atau penyiasatan dalaman lain serta maklum balas dari pihak pengurusan dan menentukan tindakan pembetulan sewajarnya yang perlu diambil oleh pihak pengurusan.
- i. Untuk mempertimbang dan menyelesaikan sebarang urusan pihak berkaitan yang mungkin timbul dalam Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya.
- j. Untuk membantu Lembaga dalam penyediaan Laporan Jawatankuasa Audit bagi dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan Syarikat.

Aktiviti-aktiviti Jawatankuasa

Pada tahun kewangan ini, Jawatankuasa ini telah mengadakan beberapa mesyuarat yang telah dijadualkan untuk membincang dan mempertimbang setiap draf pengumuman keputusan suku tahunan sebelum mengesyorkan laporan tersebut kepada Lembaga. Akaun berkanun bagi tahun sebelumnya juga akan diteliti. Proses ini turut melibatkan penelitian semula peruntukan dan sebarang pelupusan berkaitan pelbagai kategori aset bagi memastikan pematuhan terhadap dasar-dasar Kumpulan dan piawaian perakaunan yang sepatutnya. Isu-isu yang berbangkit daripada penelitian tersebut telah dibincangkan dengan kehadiran juruaudit luar.

Jawatankuasa juga telah berusaha dalam membincangkan pendekatan-pendekatan dalam melaksanakan proses pengurusan risiko yang menyeluruh. Beberapa bengkel pengurusan risiko, yang dianggap topik semasa telah dianjurkan dengan bantuan pakar-pakar luar untuk pihak pengurusan kanan dan sebahagian ahli lembaga. Bengkel-bengkel tersebut memastikan pemahaman secara menyeluruh konsep mengurus dan mendokumen risiko. Bengkel-bengkel tersebut turut membantu mengenalpasti risiko-risiko fungsi utama yang dihadapi bagi setiap operasi perniagaan utama, penaksiran risiko serta polisi dan amalan semasa bagi pengurusan risiko tersebut. Pelaksanaan proses dokumentasi telah diluluskan. Jawatankuasa boleh mendapat laporan yang kerap mengenai dinamik risiko-risiko utama, termasuk mengenal pasti sebarang risiko baru dan langkah-langkah berterusan yang boleh diambil oleh pihak pengurusan dalam menghadapi risiko tersebut.

Rancangan-rancangan audit luar bagi tahun kewangan ini telah dibentangkan kepada Jawatankuasa ini sebelum pelaksanaannya. Juruaudit luar turut hadir pada semua mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan dalam tahun kewangan ini.

Laporan Juruaudit dalaman dan penemuan-penemuan mereka turut dibincangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa. Jawatankuasa ini, melalui pengerusinya, bertanggungjawab menyelia dan menilai prestasi fungsi audit dalaman. Ini bagi memastikan fungsi audit dalaman bebas dari pengaruh pengurusan. Jabatan ini diketuai oleh Pengurus Audit Dalaman Kumpulan dengan dibantu oleh kakitangan yang berkelayakan.

Fungsi Audit Dalaman

Syarikat mempunyai jabatan audit dalaman. Tanggungjawab utamanya adalah untuk menjalankan audit secara berkala terhadap perkara-perkara berhubung kawalan dalaman bagi memastikan pematuhan terhadap sistem serta prosedur operasi yang telah ditetapkan dalam setiap operasi Kumpulan. Objektif utama audit-audit ini adalah untuk memberi jaminan berpatutan bahawa segala operasi berjalan dengan memuaskan dan berkesan.

Bagi membantu usaha pengurusan risiko yang telah dilakukan oleh Kumpulan, jabatan audit dalaman turut mengadakan beberapa bengkel terutamanya untuk memperkenalkan dan menerangkan konsep pengurusan risiko di peringkat operasi perniagaan. Sebanyak lapan bengkel sebegini diadakan sepanjang tahun ini.

Atas permintaan Jawatankuasa dan pihak pengurusan kanan, beberapa penyiasatan khusus telah dijalankan sebagai tindakan susulan berikutan pengenalpastian beberapa bahagian berisiko tinggi dalam laporan-laporan yang disediakan. Penyiasatan tersebut memberi jaminan dan keyakinan tambahan terhadap integriti dan keberkesanan sistem-sistem kawalan dalaman.

Pada akhir tahun kewangan ini, jabatan tersebut mempunyai enam kakitangan. Tiga belas laporan audit telah dikeluarkan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit. Berikutan itu, tindakan pembetulan sewajarnya telah diambil dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah.

Laporan ini telah disediakan menurut satu resolusi dalam Lembaga Pengarah pada 8 November 2002.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Tanggungjawab

Lembaga Pengarah menyedari tanggungjawabnya untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan memastikan kecukupan dan kewibawaannya melalui proses-proses kajian semula, pemantauan dan memberi jaminan. Peranan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan pengurusan adalah untuk membantu merangka dan melaksanakan dasar-dasar Lembaga Pengarah berhubung risiko dan kawalan.

Penyata ini menghuraikan proses-proses yang menjadi rangka kepada kawalan dalaman seluruh operasi perniagaan Kumpulan, yang sering dikaji semula oleh Lembaga Pengarah.

Sistem kawalan dalaman telah dirangka untuk mengurus dan bukannya untuk menghilangkan risiko kegagalan untuk mencapai objektif-objektif perniagaan.

Dalam usaha untuk mencapai objektif-objektif tersebut, kawalan dalaman hanya boleh memberi jaminan yang sewajarnya dan bukan jaminan mutlak daripada kesalahan besar terhadap kenyataan atau kerugian.

Bagi tujuan penyata ini, syarikat-syarikat bersekutu tidak diambil kira sebagai sebahagian dari Kumpulan.

Pengurusan Risiko

50 Sepanjang sejarah operasi Kumpulan selama 120 tahun, amalan-amalan kawalan dalaman telah diwujudkan berdasarkan cara pihak pengurusan mengendalikan perniagaan. Amalan-amalan, nilai-nilai dan budaya tersebut telah kekal hingga hari ini dan banyak mempengaruhi tingkah laku pihak pengurusan. Lembaga Pengarah sentiasa memberi penekanan kepada pengurusan risiko dalam setiap tingkah laku tersebut.

Pada tahun ini, beberapa taklimat dan bengkel mengenai risiko telah dikendalikan. Menerusi bengkel-bengkel yang dianjurkan dengan bantuan pakar-pakar luar, pihak pengurusan kanan dan sebahagian ahli lembaga pengarah dapat meningkatkan pemahaman tentang risiko strategik dan operasi yang dihadapi oleh setiap fungsi perniagaan Kumpulan, dan tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk mengatasinya. Sebagaimana dalam apa jua situasi yang dinamik, apa yang perlu ialah memastikan proses ini berulang dengan sendirinya dan merangkumi langkah-langkah seperti mengenal pasti dan mendokumen risiko baru, memantau tindakan pengurusan dan membuat laporan, semuanya secara berterusan. Daftar risiko Kumpulan beserta dengan tindakan pengurusan yang berkaitan telah didokumen dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada Ogos 2002.

Proses-proses Pengurusan dan Rangka Kawalan

Kumpulan mempunyai prosedur-prosedur operasi biasa yang mantap dan merangkumi segala aspek penting dan kritikal dalam proses-proses perniagaan Kumpulan. Prosedur tersebut kebanyakannya bertujuan untuk mengelakkan penurunan nilai aset dan merangkumi aspek fungsi penting yang lain dalam operasi perniagaan Kumpulan. Fungsi-fungsi ini termasuk kawalan kos, keselamatan aset dan prosedur keselamatan pekerjaan, pengurusan kakitangan, matlamat produktiviti, jaminan mutu produk dan pematuhan kepada piawaian dan peraturan pihak berkuasa. Prosedur tersebut juga tertakluk kepada kajian semula selaras dengan perubahan proses-proses atau untuk memenuhi pelbagai keperluan perniagaan baru. Pematuhan kepada prosedur tersebut adalah elemen penting dalam rangka kawalan dalaman.

Struktur pengurusan dan disiplin yang jelas memperkukuhkan rangka kawalan dalaman tersebut untuk memastikan ianya terus sesuai dan efektif. Antara peranan pihak pengurusan adalah termasuk tanggungjawab yang telah ditetapkan pada carta tanggungjawab yang menyediakan pembahagian kuasa pada setiap peringkat pengurusan bagi setiap fungsi.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Kumpulan juga mempunyai sistem maklumat menyeluruh yang boleh merekod dan menyusun semua urusan niaga, seterusnya membolehkan prestasi kewangan dilaporkan dengan tepat dan menepati masa. Sistem maklumat yang berautomasi tinggi ini boleh menghasilkan data, analisis, variasi, pengecualian dan lain-lain input yang boleh dipercayai kepada pihak pengurusan. Setiap operasi perniagaan Kumpulan mengadakan mesyuarat mingguan untuk memastikan setiap perkembangan, kelemahan dan variasi dibincang secara terperinci dan tindakan yang sewajarnya diambil. Ini bertujuan memastikan objektif perniagaan dapat dicapai.

Bagi memastikan keberkesanan dan kesinambungan rangka kawalan dalaman, Kumpulan mempunyai kakitangan yang mencukupi dan terlatih untuk menjalankan operasinya. Ini dapat menjamin kakitangan yang menjalankan operasi utama mempunyai kepakaran secukupnya dan menjalankan tugas secara profesional dan berintegriti. Terdapat program-program pendidikan dan latihan berterusan untuk meningkatkan kepakaran kakitangan dan memupuk kualiti-kualiti tersebut.

Di samping itu, Kumpulan mempunyai proses perancangan perniagaan dan kajian semula tahunan yang terperinci untuk memastikan kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan iaitu pemegang saham, kakitangan, bank, pelanggan dan pembekal adalah seimbang.

Pemantauan dan Kajian Semula

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat, Lembaga Pengarah telah menugaskan fungsi-fungsi seharian kepada CEO, yang dibantu oleh sekumpulan pegawai korporat, dalam melaksanakan tugasnya. Beliau turut berperanan mengemudi setiap operasi perniagaan sambil memastikan keutuhan rangka kawalan dalaman dan amalan pengurusan risiko yang berkesan diterima pakai sepanjang tahun.

Dari segi pemprosesan, CEO mempengerusikan semua mesyuarat tetap pengurusan bagi setiap operasi perniagaan. Mesyuarat tersebut mengkaji prestasi kewangan, isu-isu perniagaan termasuk perkara-perkara berkaitan kawalan dalaman dan pengurusan risiko.

Kumpulan mempunyai sumber fungsi audit dalaman yang mencukupi yang bertanggungjawab terutamanya untuk memberi jaminan kepada Lembaga melalui Jawatan Kuasa Audit bahawa sistem kawalan dalaman berfungsi sebagaimana yang dikehendaki. Dalam memberi jaminan tersebut, audit dalaman akan menjalankan ujian pematuhan dan menyediakan laporan bagi sebarang kelemahan yang ditemui.

Ringkasan

Sistem kawalan dalaman yang terdiri daripada rangka kawalan dalaman, proses-proses pengurusan, serta proses-proses pemantauan dan kajian semula, sebagaimana dilaporkan di dalam penyata ini, dianggap wajar untuk operasi perniagaan. Risiko yang diambil pula adalah pada tahap yang boleh diterima dalam konteks persekitaran perniagaan bagi seluruh Kumpulan. Harus diingat bahawa segala langkah yang diambil tidak dapat menghindarkan kemungkinan pekerja membuat pakatan atau tidak mengikut prosedur dengan sengaja. Kesilapan manusia dan/atau lain-lain kejadian yang tidak diduga boleh mengakibatkan pertimbangan yang lemah. Namun, sistem kawalan dalaman yang wujud sepanjang tahun ini memberi tahap keyakinan yang boleh meyakinkan Lembaga Pengarah. Pada tahun yang ditinjau, tiada sebarang kerugian penting, kejadian luar jangkaan atau ketidaktentuan yang perlu dilaporkan secara berasingan dalam Laporan Tahunan ini.

Penyata ini disediakan menurut satu resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 8 November 2002.

STATEMENT ON DIRECTORS' RESPONSIBILITY

PENYATA TANGGUNGJAWAB PENGARAH

As required under the Companies Act 1965 ("Act"), the Directors on page 58 of this annual report have made a statement expressing an opinion on the financial statements. The Board is of the opinion that the financial statements have been drawn up in accordance with applicable approved accounting standards in Malaysia so as to give a true and fair view of the financial position of the Company and of the Group for the financial year ended 30 September 2002.

In the process of preparing these financial statements, and other than as disclosed in the notes to the financial statements, the Directors have reviewed the accounting policies and practices to ensure that they were consistently applied throughout the year. In cases where judgement and estimates were made, they were based on reasonableness and prudence.

Additionally, the directors have relied on the system of internal controls to ensure that the information generated for the preparation of the financial statements from the underlying accounting records is accurate and reliable.

This statement is made in accordance with a resolution of the Board dated 8 November 2002.

52

Sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 ("Akta"), para Pengarah telah membuat kenyataan di muka surat 90 di dalam Laporan Tahunan ini bagi menyatakan pendapat mereka mengenai penyata kewangan. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penyata kewangan telah disediakan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan dan diterimapakai di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2002.

Semasa proses menyediakan penyata kewangan ini, dan selain daripada yang telah dibentangkan dalam nota-nota kepada penyata kewangan, para Pengarah telah mengkaji semula dasar-dasar dan amalan-amalan perakaunan bagi memastikan bahawa ianya telah digunakan secara seragam sepanjang tahun. Bagi kes-kes di mana pertimbangan dan anggaran dibuat, ianya telah dibuat berdasarkan kewajaran dan hemat.

Di samping itu, para Pengarah telah bergantung kepada sistem kawalan dalaman bagi memastikan bahawa maklumat yang dihasilkan bagi penyediaan penyata kewangan daripada rekod perakaunan adalah tepat dan boleh dipercayai.

Penyata ini telah disediakan menurut satu resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 8 November 2002.